

UMP, universiti di Jerman sepakat

Kerjasama bolehkan pelajar bergraduan dengan dua ijazah serentak

Gleth Muhammed Hafiz
Aswadi Ahmad Kamal
bhpendidikan@bh.com.my

Kuantan: Universiti Malaysia Pa-
hang (UMP) akan meneruskan ja-
ringan kerjasamanya di Jerman
menerusi program dual ijazah
dengan kerjasama Mannheim
University of Applied Sciences
(HsMA), bermula 2023.

Sebelum ini, UMP sudah pun
menjalankan kerjasama dengan
Karlsruhe University of Applied
Sciences (HKA) pada 2010 mene-
rusi program Sarjana Muda Keju-
ruteaan Mekatronik (Kepujian),



Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Prof Madya Dr Hamdan Daniyal (kiri) ketika menandatangani MoU dengan Presiden HKA, Dr Ing Frank Artinger (kanan) sambil disaksikan Abdul Aziz (duduk, kiri), baru-baru ini.

Pengerusi Lembaga Pengarah UMP Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman, berkata menerusi kerjasama terbaru itu UMP dan HsMA bersetuju untuk menawarkan program kejuruteraan perniagaan yang akan dimulakan pada kemasukan akan datang.

"Menerusi program ini, pelajar akan menerima dua ijazah apabila tamat pengajian nanti iaitu Sarjana Muda Perniagaan Kejuruteraan dari Fakulti Pengurusan Industri UMP dan Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif (kepujian) dan Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrikal (Elektronik) dengan kepujian."

Sebelum ini menerusi kerjasama dengan HKA, UMP menawarkan tiga program iaitu, Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik (kepujian); Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif (kepujian), manakala bagi program Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrikal (Elektronik) dengan pujian ambilan pertama hanya dimulakan tahun ini.

Abdul Aziz berkata, program dual ijazah memberi kelebihan kepada pelajar apabila mereka mampu memperoleh dua ijazah serentak dari dua universiti dalam satu tempoh pengajian sahaja.

"Pelajar juga tidak perlu belajar di Jerman bagi memperoleh ijazah dari rakan kerjasama iaitu HKA," katanya.

Program perniagaan pelajar
Berdasarkan pengalaman kerjasama sebelum ini, pelajar akan menuntut sepenuhnya di UMP, namun berpeluang mengikuti program pertukaran pelajar berkredit selama satu semester di HKA dengan syarat tertentu.

Sehingga kini, seramai 400 pelajar sudah menuntut dalam program Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik (kepujian); Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif (kepujian), manakala bagi program Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrikal (Elektronik) dengan pujian ambilan pertama hanya dimulakan tahun ini.